



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 11 JULAI 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KPWKM RANGKA MODUL KHUSUS LAHIRKAN PELATIH PDK	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kpwkm-rangka-modul-khusus-lahirkan-pelatih-pdk-x8meo7x	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=CokOSKgxFTa	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	NANCY SARAN LATIHAN KHUSUS KEPADA PELATIH PPDK DI SELURUH NEGARA	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/10/nancy-saran-latihan-khusus-kepada-pelatih-ppdk-di-seluruh-negara	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	FATIMAH: MINISTRY TO CONDUCT COMMUNITY OUTREACH PROGRAMME TO TACKLE SCAMS	
	https://www.theborneopost.com/2023/07/10/fatimah-ministry-to-conduct-community-outreach-programme-to-tackle-scams/	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	NANCY: RESPONSE TO SKSSR STILL LOW IN SARAWAK	
	https://www.newsarawaktribune.com.my/nancy-response-to-skssr-still-low-in-sarawak/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	HIGH-INCOME STATUS PROVES EFFECTIVE GOVERNANCE	
	https://www.newsarawaktribune.com.my/high-income-status-proves-effective-governance/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY



UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

11/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	INFO ON SOCSO AID SCHEMES MUST REACH OUT TO RURAL FOLKS, SAYS DEPUTY PREMIER	
	https://www.theborneopost.com/2023/07/10/info-on-socso-aid-schemes-must-reach-out-to-rural-folks-says-deputy-premier/	THEBORNEOPOST.COM
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/10/information-on-socso-aid-schemes-must-reach-out-to-rural-folks-says-sarawak-deputy-premier/78810	MALAYMAIL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	LEBIHAN PERTAMA DARIPADA PERLINDUNGANKU ALLIANZ4ALL ALLIANZ GENERAL MEMANFAATKAN 7 PERTUBUHAN KEBAJIKAN	
	https://suaramerdeka.com.my/lebih-pertama-daripada-perlindunganku-allianz4all-allianz-general-memanfaatkan-7-pertubuhan-kebaikan/	SUARAMERDEKA.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	NORNIKMAN HANYA TERLANTAR, SATU BADAN PENUH BISUL	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986170/nornikman-hanya-terlantar-satu-badan-penuh-bisul	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2023/07/1124567/lelaki-menderita-seluruh-badan-ditumbuhi-bisul	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	BEKAS KAPTEN SKUAD KEBANGSAAN TAK MENGAKU CEROBOH BILIK HOTEL KENALAN WANITA	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1124693/bekas-kapten-skuad-kebangsaan-tak-mengaku-ceroboh-bilik-hotel-kenalan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/986163/bekas-kapten-bola-sepak-didakwa-ceroboh-bilik-hotel-didiami-wanita	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	OKU MENTAL MENGAKU TIDAK BERSALAH SEBAB KEMATIAN PENUNGGANG DUCATI	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/986167/oku-mental-mengaku-tidak-bersalah-sebab-kematian-penunggang-ducati	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/267442/berita/semasa/lelaki-dituduh-sebabkan-penunggang-ducati-maut-oku-sakit-mental	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/10/lelaki-sebabkan-kematian-penunggang-ducati-diperintah-jalani-uji-psikiatri/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1124689/oku-mental-didakwa-melawan-arus-sebabkan-kemalangan-kematian-penunggang	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-dituduh-sebabkan-penunggang-ducati-maut-mengaku-sakit-mental-oku-427449	ASTROAWANI.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-dituduh-sebabkan-penunggang-ducati-maut-mengaku-sakit-mental-oku-427449	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/07/929359/motorcyclist-who-went-against-traffic-and-killed-man-pleads	NST.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=CvrzTxe8ogc	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=nxldHdd658	YOUTUBE
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/10/suke-fatal-crash-motorcyclist-who-rode-against-traffic-flow-says-he-is-suffering-from-mental-illness/78887	MALAYMAIL.COM
	https://www.therakyatpost.com/news/2023/07/10/wrong-way-suke-biker-ordered-to-undergo-psychiatric-evaluation-following-fatal-ducati-accident/	THERAKYATPOST.COM
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/lelaki-tak-mengaku-sebabkan-kematian-penunggang-ducati/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/267444/berita/semasa/lelaki-tidak-mengaku-lawan-arus-sebabkan-penunggang-ducati-maut	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
11	GADIS BISU JANA PENDAPATAN TINGGI SEBAGAI TUKANG JAHIT	
	https://suarasarawak.my/gadis-bisu-jana-pendapatan-tinggi-sebagai-tukang-jahit/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	SIMBAH ASID: POLIS TAHAN WANITA WARGA EMAS	
	https://www.malaysiakini.com/news/671395	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986120/warga-emas-disyaki-simbah-asid-direman	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/267476/berita/semasa/wanita-warga-emas-simbah-asid-direman-empat-hari	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/insiden-simbah-asid-wanita-warga-emas-ditahan-427380	ASTROAWANI.COM
	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/simbah-asid-wanita-warga-emas-ditahan-OC11207810	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	ROMPAK, CEDERAKAN WARGA EMAS, PEKEBUN DIPENJARA LAPAN TAHUN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rompak-cederakan-warga-emas-pekebun-dipenjara-lapan-tahun-427451	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/10/pekebun-menangis-peluk-isteri-selepas-dijel-8-tahun-rompak-warga-emas/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986132/pekebun-rompak-warga-emas-dipenjara-8-tahun-satu-sebatan	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	ISU WARGANEGARA ANAK KEPADA WANITA RAKYAT MALAYSIA : PINDAAN PERKARA 15(A) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN PADA SEPTEMBER	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/isu-warganegara-anak-kepada-wanita-rakyat-malaysia-pindaan-perkara-15a-perlembagaan-persekutuan-pada-september/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cadangan-pindaan-berkaitan-kewarganegaraan-kanakkanak-dipersembah-kepada-majlis-rajaraja-427444	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=kSxHuxcVka0	YOUTUBE
	https://www.sinarharian.com.my/article/267486/berita/nasional/hentika-n-pindaan-perlembagaan-isu-kanak-kanak-tanpa-kerakyatan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1124617/anak-lahir-luar-negara-kerajaan-akan-bentang-pindaan-artikel-15a	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	PRIME DIUJI PENELITIAN KAFEIN YANG BAHAYA UNTUK KANAK-KANAK	
	https://www.youtube.com/watch?v=bk8s66bnYLo	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
16	WARGA EMAS MAUT AKIBAT TERSEKIT DALAM KEMALANGAN TIGA KENDERAAN	
	https://malaysiagazette.com/2023/07/10/warga-emas-maut-akibat-tersekit-dalam-kemalangan-tiga-kenderaan/	MALAYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

11/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
17	MPV TERBAKAR, WARGA EMAS MAUT, EMPAT TERMASUK BAYI KRITIKAL	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/986312/mpv-terbakar-warga-emas-maut-empat-termasuk-bayi-kritikal	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=JTjS9KNCKRo	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
18	TIGA TERMASUK PENGURUS TASKA DITAHAN KES DERA KANAK-KANAK	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1124800/tiga-termasuk-pengurus-taska-ditahan-kes-dera-kanak-kanak	BHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/dera-5-bayi-kanak-kanak-3-wanita-ditahan/	BULETINTV3.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-dera-lima-kanakkanak-pengurus-dua-guru-taska-ditahan-427499	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986274/pengurus-guru-taska-ditahan-disyaki-dera-5-bayi-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/267488/berita/semasa/pengurus-guru-taska-ditahan-kes-dera-lima-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/polis-tahan-pengurus-guru-taska-disyaki-dera-kanak-kanak-dua-tahun/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/10/disyaki-dera-kanak-kanak-guru-taska-antara-3-direman/	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
19	BLOK BAHARU WANITA, KANAK-KANAK HTAA DIBINA HUJUNG TAHUN INI	
	https://malaysiagazette.com/2023/07/10/blok-baharu-wanita-kanak-kanak-htaa-dibina-hujung-tahun-ini/	MALAYSIAGAZETTE.COM



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
20	MERAJUK DENGAN AHLI KELUARGA PUNCA BUDAK PEREMPUAN LARI KE DALAM HUTAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986341/merajuk-dengan-ahli-keluarga-punca-budak-perempuan-lari-ke-dalam-hutan	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/267525/berita/semasa/gaduh-dengan-adik-budak-merajuk-lari-ke-hutan	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	SUAMI ISTERI MAUT, DUA PARAH KERETA TERBABAS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986322/suami-isteri-maut-dua-parah-kereta-terbabas	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	TAK SANGKA ANAK JIRAN TERBABIT KEMALANGAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986116/tak-sangka-anak-jiran-terbabit-kemalangan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	SURI RUMAH DIDENDA RM10,000 KEMUKA MAKLUMAT PALSU KEPADA JPN	
	https://malaysiagazette.com/2023/07/10/suri-rumah-didenda-rm10000-kemuka-maklumat-palsu-kepada-jpn/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/267538/berita/semasa/suri-rumah-didenda-rm10000-guna-sijil-kelahiran-palsu	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
24	DUA PRODUK KOSMETIK DIKESAN MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1124857/dua-produk-kosmetik-dikesan-mengandungi-racun-berjadual	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986294/dua-produk-kosmetik-ada-racun	HMETRO.COM.MY



TAJUK : BERI PELUANG WANITA BINA KERJAYA TANPA DISKRIMINASI GENDER

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 JUL 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Beri peluang wanita bina kerjaya tanpa diskriminasi gender

Anisa Najlaa
Madehi,
Kota Samarahan,
Sarawak

Kesaksamaan gender adalah isu yang kerap diperkatakan di negara ini, ia berkaitan hal sedemikian masih wujud dalam pelbagai bidang di Malaysia.

Antara yang paling ketara adalah berlakunya diskriminasi di tempat kerja dengan ada sesetengah majikan menawarkan gaji lebih tinggi kepada lelaki meskipun tugasnya sama dengan pekerja wanita.

Hal ini perlu dipandang serius apatah lagi dalam kes seperti itu latar pendidikan serta pengalaman antara pekerja lelaki dan wanita adalah sama.

Perbezaan kadar upah yang disebabkan faktor jantina ini turut dipengaruhi oleh teori neoklasik, iaitu upah ditentukan mengikut produktiviti. Pandangan umum melihat tahap produktiviti wanita dianggap rendah berbanding lelaki. Malah, wanita dilihat hanya layak bekerja dalam bidang tertentu sahaja.

Pembahagian pekerjaan mengikut jantina juga menjurus kepada berlakunya diskriminasi terhadap wanita dalam dunia pekerjaan. Pandangan seumpama itu berpunca daripada ideologi majikan bahawa wanita sewajarnya memabihkan diri dengan pekerjaan yang menonjolkan sifat kewanitaan mereka sahaja.

Hal ini kerana, sesetengah majikan masih melihat wanita sebagai seorang individu yang sewajarnya memiliki sifat lemah lembut, penyayang serta sopan santun dan bukannya lasak seperti kaum lelaki. Disebabkan idea sebegini, wanita kurang berpeluang untuk menceburi bidang lasak seperti kaum lelaki terutama dalam bidang seni bina atau kejuruteraan.

Selain itu ada wanita yang tidak berpeluang untuk mendaki hierarki pekerjaan, misalnya kenaikan pangkat meskipun mempunyai pengalaman dan kelayakan tinggi.

Malah ada kala, seawal temuduga pekerjaan pun, panel penemuduga akan bertanya soalan seperti sudah berkahwin atau tidak, bolehkah melakukan tugas luar dan meninggalkan anak serta puluhan soalan hampir serupa yang tidak

ditanya pun kepada lelaki.

Gangguan seksual

Selain itu, gangguan seksual juga adalah antara fenomena yang berkait rapat dengan masalah diskriminasi terhadap wanita di tempat kerja. Gangguan seksual di tempat kerja diperakui kewujudannya sejak wanita mula memasuki dunia pekerjaan.

Gangguan seksual boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu berbentuk ugutan dan ancaman. Ugutan membabitkan penentuan gaji serta pangkat oleh majikan dengan kaedah pekerja diugut untuk memberikan layanan seksual kepadanya.

Satu lagi bentuk gangguan adalah ancaman terhadap ketenteraman peribadi. Ia tidak ada kaitan secara langsung dengan faedah pekerjaan, tetapi boleh menimbulkan suasana kerja tidak tenteram kepada mangsa seperti gangguan seksual berbentuk lisan, bukan lisan, visual, psikologi dan fizikal. Ada kalanya ancaman sebegini dilakukan oleh rakan sekerja.

Diskriminasi dari segi gangguan seksual memberi impak negatif kepada mangsa, persekitaran dan organisasi. Bagi sesetengah mangsa,


mereka akan mengalami trauma yang hebat menyebabkan mudah hilang tumpuan, selain minat kepada kerjaya serta produktiviti semakin menurun.

Situasi diskriminasi ini sebenarnya cenderung berlaku disebabkan pekerja wanita tidak mendapat perlindungan daripada majikan atau orang sekelilingnya. Kesannya, mereka dipergunakan secara bebas dengan menerima gaji yang rendah dan tidak setimpal dengan beban kerja.

Semua ini menjelaskan meskipun Malaysia sedang berusaha menuju sasaran sebagai negara maju, kita masih berhadapan dengan pandangan klise dan jumud terhadap wanita. Hal ini menyebabkan sebahagian wanita sukar untuk maju dalam kerjaya. Malah, jika pun menerima sokongan daripada majikan ada kala wanita berhadapan pula dengan diskriminasi daripada ahli masyarakat yang lain misalnya keluarga, suami atau saudara mara.

Justeru kita perlu memberi peluang kepada wanita untuk membina kerjaya seperti mana ia dinikmati oleh lelaki. Kefahaman terhadap sumbangan mereka dalam membangunkan negara perlu disebar dengan meluas dalam kalangan masyarakat.





TAJUK : DAKWAAN GURU LELAKI GIGIT MULUT MURID DISIASAT

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 JUL 2023

M/SURAT : 14

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Dakwaan guru lelaki gigit mulut murid disiasat

Butterworth: Kementerian Pendidikan (KPM) sedang menyiasat dakwaan yang tular berhubung kejadian murid sebuah sekolah di Pantai Timur yang terganggu emosi sehingga tidak mahu ke sekolah kerana digigit seorang guru.

Timbalan Menteri, Lim Hui Ying, berkata KPM sudah mengenal pasti hantaran yang dimuat naik mendakwa insiden itu di media sosial dan kini sedang mengambil tindakan selanjutnya.

Beliau berkata, KPM memandang serius dakwaan kerana perkara sedemikian tidak sepatutnya berlaku.

"Kita akan jalankan siasatan lanjut dan jika ada kes sebegitu (murid digigit guru) tindakan sewajarnya akan diambil.

"Dalam hal ini, KPM tidak pernah membenarkan ia berlaku dan sentiasa mengambil langkah pencegahan untuk memberi kesedaran kepada murid serta pelajar.

"Ingin saya tegaskan KPM tidak sekali-kali berkompromi dalam apa jua isu," katanya ketika ditemui media selepas melawat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bagan Jaya, di sini, semalam.

Hui Ying mengulas dakwaan seorang ibu bahawa anak lakinya berusia enam tahun digigit seorang guru sehingga terganggu mental.

Dakwa ada mangsa lain

Dalam hantaran itu, ibu murid terbabit hairan selepas anaknya sering bertanya soal cuti sekolah dan tidak ceria seperti selalu.

Pada mula, ibu kanak-kanak itu beranggapan anaknya menjadi mangsa buli sehingga akhirnya terbongkar kisah dia digigit seorang guru lelaki hingga takut ke sekolah.

Dakwanya, kejadian itu turut berlaku terhadap beberapa murid lain apabila guru berkenaan menggigit bahagian tidak

sepatutnya iaitu mulut, tangan dan telinga.

Sementara itu, Hui Ying berkata, KPM tidak berkompromi terhadap dakwaan berlaku elemen buli terhadap seorang pelajar yang mencekik adiknya sehingga mati dalam kejadian di Melaka, baru-baru ini.

"Kes ini dalam siasatan polis dan kita juga (KPM) turut menjalankan siasatan sewajarnya terhadap dakwaan buli itu


"Semua ini (buli dan keganasan) kita tidak pernah berkompromi dan sekarang menunggu keputusan untuk mengambil tindakan lanjut," katanya.

Dalam perkembangan lain, Hui Ying turut mengumumkan peruntukan RM500,000 untuk naik taraf dan penyelenggaraan sekolah terbabit.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng, yang turut menyumbangkan RM200,000 bagi pemasangan alat pendingin hawa di bilik guru sekolah itu.



Hui Ying mendengar penerangan pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Bagan Jaya, Gnoh Kam Fat pada lawatannya semalam.
(Foto Danial Saad/BH)



TAJUK : **DITUDUH CEROBOH MASUK BILIK HOTEL KENALAN WANITA**

HARI : **SELASA**

AKHBAR : **BERITA HARIAN**

TARIKH : **11 JUL 2023**

M/SURAT : **18**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**



Bekas kapten skuad bola sepak kebangsaan didakwa di Mahkamah Majistret semalam atas dakwaan mencerooboh bilik hotel didiami kenalan wanita, bulan lalu. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Dituduh ceroboh masuk bilik hotel kenalan wanita

Bekas kapten skuad bola sepak kebangsaan mengaku tidak bersalah

Oleh **Faris Fuad**
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Bekas kapten skuad bola sepak kebangsaan didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan mencerooboh bilik hotel didiami kenalan wanita, bulan lalu.

Ahmad Shahrul Azhar Sofian, 49, yang juga bekas pemain Perak FA bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan kepadanya di hadapan Majistret Zhafran Rahim Hamzah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan pencerobohan jenayah dengan memasuki bilik seorang wanita berusia 36 tahun di sebuah hotel di Kelana Jaya, jam 6 petang,

21 Jun lalu.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda hingga RM5,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Siti Maryam Jamilah Md Kamal, mencadangkan jaminan RM6,000 dikenakan terhadap tertuduh.

"Mangsa dalam kes ini adalah kenalannya, syarat tambahan supaya tidak mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan hingga kes selesai," katanya.

Sebutan semula kes 18 September

Bagaimanapun, peguam bela Ahmad Shahrul, Datuk Suraj Singh memohon jaminan paling rendah dikenakan dengan alasan anak guamnya perlu menanggung isteri serta tujuh anak, selain tiada risiko melarikan diri.

"Mohon jaminan dikurangkan kerana ia bukan untuk menghukum seseorang sebelum mula bicara.

"Anak guam dalam jaminan polis ketika menerima panggilan dan terus hadir

ke mahkamah, tidak cuba mengelak dan melarikan diri. Isterinya juga tidak bekerja, manakala enam daripada tujuh anaknya masih belajar.


"Rakan anak guam yang juga pekerja kontrak akan menjadi penjamin untuk pastikan kehadiran pada tarikh akan datang, selain tertuduh tiada kes lain di mahkamah," katanya.

Majistret kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM2,000 serta syarat tambahan seperti dimohon pihak pendakwaan dan menetapkan 18 September ini untuk sebutan semula kes.

Media sebelum ini melaporkan, lelaki itu ditahan selepas dipercayai mencerooboh bilik sebuah hotel, di sini, bulan lalu.

Menurut sumber, laporan polis dibuat seorang lelaki selepas mendakwa bekas pemain bola sepak kebangsaan itu mencerooboh bilik hotel sebelum bertindak agresif hingga menyebabkan berlaku sedikit kekecohan.

Ketika kejadian, seorang wanita yang juga isteri kepada pengadu itu dikatakan berada dalam bilik berkenaan.



TAJUK : JAHIT BAJU RAYA KELUARGA CETUS INSPIRASI JADI USAHAWAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 JUL 2023

M/SURAT : 14

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Jahit baju raya keluarga cetus inspirasi jadi usahawan

Suri rumah
sertai program
anjaran kerajaan
Perak tingkat
kemahiran

Oleh Muhammad
Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Batu Gajah: Berputik keinginan untuk berjimat, khususnya ketika menyambut Aidilfitri, seorang suri rumah mengambil inisiatif menjahit sendiri baju raya lapan ahli keluarganya.

Berebalkan pengalaman tujuh tahun menjahit baju keluarga, Intan Zuliana Pathi, 43, akhirnya memanfaatkan kemahirannya dan menjadikan bidang jahitan sumber pendapatan dengan mengambil tempahan bagi membantu menyara keluarga. Kini, dia menjalankan operasi dari bengkel jahitan yang dibangunkan dalam kawasan rumahnya di Taman Siputeh Permai, Pusing, di sini.

Ibu kepada enam anak itu berkata, kehidupannya berubah apabila berpeluang menyertai kelas kemahiran jahitan tahap lanjutan dikelola JSS Tailoring

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

Academy yang bekerjasama dengan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) yang juga Sekretariat Jawatankuasa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Negeri Perak.

PASAK diletakkan sebagai agensi peneraju berdasarkan dua *flagship* utama iaitu Koridor TVET Malaysia serta Program Pembolehdayaan Modal Insan & Pembelajaran Sepanjang Hayat di bawah sasaran 1 Warga 1 Skil (kemahiran) dalam mencapai agenda pelan Perak Sejahtera 2030.

"Intan Zuliana yang pernah mengikuti kursus menjahit di GiatMARA, mengakui pembabitannya bersama JSS Tailoring Academy menambah pengetahuan dan kemahirannya.

"Hendak kata kehidupan saya sebelum ini terlalu susah tidak sampai begitu. Cuma apabila ramai anak dan menghampiri hari raya mesti hendak baju cantik. Jadi, sejak itu saya mula belajar menjahit dan menjadikan ia sebagai sumber pendapatan.

"Kini melalui tempahan jahitan pakaian wanita khususnya,



Intan Zuliana menyiapkan tempahan di bengkel jahitan dalam kawasan rumahnya di Taman Siputeh Permai, Pusing.

(Foto Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BH)

saya mampu memperoleh pendapatan sekitar RM2,000 sebulan.

"Saya juga mempunyai pelanggan tetap yang kebanyakannya guru di beberapa sekolah sekitar Batu Gajah," katanya ketika ditemui *BH*.

Katanya, rutin sebagai suri rumah sepenuh masa sejak berkahwin 23 tahun lalu tidak

menghalangnya membantu suami, Azman Ahmad Serbaini, 54, yang bekerja sebagai juruwayar kilang bagi menjana duit sampingan menyara keluarga.

Intan Zuliana menganggap dirinya bertuah kerana selain mendapat membimbing kemahiran menjahit tahap lanjutan yang merangkumi jahitan dari

segi bentuk pola potongan, pembabitannya sebagai pelajar JSS Tailoring Academy turut membuka peluang mendapatkan bimbingan keusahawanan.

Giat ambil tempahan

Katanya, melalui JSS Tailoring Academy yang bekerjasama dengan Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW) dan Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP), dia kini dalam usaha mendaftarkan perniagaan menjahit.

"Buat masa ini, saya giat mengambil tempahan dan belum ada nama kedai atau syarikat sendiri.

"Saya harap suatu hari nanti dapat direalisasikan dan kini sedang dibimbing untuk ke arah itu termasuk mendaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

"Agensi kerajaan negeri yang bekerjasama mengelolakan kelas kemahiran menjahit ini bukan sekadar mengajar meningkatkan kemahiran dalam bidang jahitan, malah membimbing pelajar menjadi usahawan.

"Contohnya, saya sebelum ini langsung tidak mempunyai asas perniagaan kini sudah tahu sedikit sebanyak selok-belok mengembangkan usaha dilakukan.

"Bimbingan dan pengetahuan dikongsi begitu berguna untuk mengembangkan kemahiran, seterusnya bergelar usahawan," katanya.



TAJUK : TERTUDUH DIPERINTAH JALANI UJIAN PSIKIATRI

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 JUL 2023

M/SURAT : 15

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Sebabkan penunggang Ducati maut

Tertuduh diperintah jalani ujian psikiatri

Pemandu lori didakwa tunggang motosikal secara melawan arus hingga mengakibatkan kematian

Oleh Safeek Affendy Razali dan Suraya Roslan
bhnews@bh.com.my

Ampang: Pemandu lori yang menunggang motosikal secara melawan arus hingga mengakibatkan kematian penunggang motosikal Ducati Panigale di Lebuhraya Sungai Besi Ulu Kelang (SUKE) pada 14 Jun lalu, diperintah menjalani ujian psikiatri



di Hospital Bahagia, Ulu Kinta, Perak.

Majistret Amalina Basirah Md Top, memerintahkan demikian terhadap Mudzyadaha Mohamad, 42, selepas tertuduh mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan, bapa tiga anak itu didakwa menunggang motosikal secara melawan arus yang berbahaya kepada orang awam sehingga menyebabkan kematian penunggang mo-

tosikal, Ahmad Fadzil Omar Azaddin, 64, di Kilometer 22.2 Lebuhraya SUKE, jam 1.10 tengah hari 14 Jun lalu.

Pertuduhan itu dilakukan mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333/87) dan boleh dihukum di bawah peruntukan akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan tidak lebih 10 tahun serta denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM20,000, selain hilang kelayakan memegang atau mendapatkan lesen memandu tidak kurang lima tahun dari tarikh sabitan, jika sabit kesalahan.

Benar ikat jamin RM10,000
Timbalan Pendakwa Raya Annur Athirah Amran memohon jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin dan tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mah-



Mudzyadaha dibawa ke Mahkamah Majistret Ampang Jaya, semalam.

kamah serta melaporkan diri di balai polis berhampiran sehingga kes selesai.

Amalina Basirah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin, selain menyerahkan lesen memandu kepada mahkamah sehingga kes selesai dan menandatangani 10 Ogos untuk sebutan kes.

Sementara itu, anak Ahmad Fadzil, Muhammad Hafidz, 36, meluahkan perasaan sedih dan marah selepas melihat tertuduh didakwa Mahkamah Majistret.

Beliau turut berikrar akan hadir ke mahkamah setiap kali prosiding kes berjalan, malah tidak tergambar perasaannya apabila

melihat lelaki itu di kandang tertuduh.

"Saya rasa sedih dan marah. Bila saya tengok muka dia, saya betul-betul rasa marah sebab hilang seorang ayah.

"Ayah dengan saya memang sangat rapat. Kami selalu ride dan pergi surau sama-sama, apabila dia tidak ada, saya betul-betul rasa kehilangan," katanya ketika ditemui di mahkamah.

Dalam kejadian itu, Ahmad Fadzil yang menunggang motosikal Ducati Panigale meninggal dunia selepas terbabas dan terjatuh dari jejambat SUKE, dipercayai mengelak penunggang motosikal lain yang melawan arus.



TAJUK : 'TENGOK MUKA DIA SAYA RASA MARAH'

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



'Tengok muka dia saya rasa marah'

Ampang: "Saya sedih dan marah, bila saya tengok muka dia, saya betul-betul berasa marah sebab hilang seorang ayah," kata Muhammad Hafidz Ahmad Fadzil, 36.

Anak kepada lelaki yang maut dalam nahas di Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke) berkata demikian selepas melihat tertuduh yang menunggang melawan arus hingga menyebabkan kemalangan hingga meragut nyawa bapanya, Ahmad Fadzil Omar Azzadin, 64, dalam kejadian pada 14 Jun lalu.

Dia juga menyatakan akan hadir ke mahkamah pada setiap kali prosiding kes itu dijalankan.

Menurutnya, tiada perkataan yang dapat digambarkan sebaik melihat lelaki itu di kandang tertuduh.

"Saya berasa sedih dan marah, bila saya tengok muka dia, saya betul-betul berasa marah sebab hilang seorang ayah," katanya ketika ditemui di Mahkamah Majistret Ampang di sini, semalam.

Dia yang juga anak sulung daripada empat beradik berkata, hanya Allah saja yang tahu bagaimana perasaan yang terbuka di hatinya ketika ini kerana hilang orang yang paling rapat dalam hidupnya.

"Ayah dengan saya memang sangat rapat. Kami

selalu *ride* dan pergi surau sama-sama, bila dia tidak ada saya betul-betul rasa kehilangan," katanya.

Ditanya kenapa dia memilih untuk hadir ke prosiding mahkamah kes itu, Muhammad Hafidz berkata, dia mahu mengetahui apa saja yang berkaitan dengan tertuduh.

"Sebab saya nak tahu apa situasi yang berlaku terhadap orang yang salah itu sebab bukan untuk saya saja, tapi untuk semua rakyat Malaysia," katanya.


Muhammad Hafidz yang bekerja sendiri berkata, dia juga mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang sentiasa mendoakan bapanya.

"Saya sangat gembira dan bersyukur kepada semua rakyat Malaysia yang mendoakan arwah ayah saya," katanya.

Dalam kejadian itu, bapa kepada Muhammad Hafidz, Ahmad Fadzil yang menunggang motosikal Ducati Panigale meninggal dunia akibat parah selepas terbas dan terjatuh dari jambat Suke apabila cuba mengelak penunggang motosikal lain yang melawan arus.

Kemalangan itu terakam menerusi kamera litar tertutup (CCTV) yang kemudian dikongsi di media sosial.

“
Tengok muka dia,
saya betul-betul
berasa marah
sebab hilang
seorang ayah
Hafidz



TAJUK : CARA TAUKE 'BUNDLE' SANTUN WARGA EMAS DIPUJI NETIZEN

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kota Bharu: "Saya bantu pak cik itu kerana tidak sampai hati dan sebab lihat wajahnya yang ada iras arwah ayah," kata Mohamad Zakiran Mohd Zaki yang juga pemilik kedai pakaian terpakai, Keyran Bundle.

Mohamad Zakiran, 32, memberi reaksi itu selepas video dan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang dimuat naik di TikTok miliknya, @ReaBundle tular.

Menerusi video itu, kelihatan seorang warga emas lelaki mencuba pakaian sebelum Mohamad Zakiran dilihat datang membantunya.

Video berkenaan meruntun hati netizen dengan rata-ratanya memuji cara Mohamad Zakiran dalam menyantuni warga emas itu.

Berkongsi kisah berkenaan, Mohamad Zakiran berkata, premisnya yang terletak di Pengkalan Chepa di sini didatangi lelaki berkenaan pada malam Sabtu lalu.

Menurutnya, dia ada di premis ketika itu dan menyedari kehadiran lelaki berkenaan kerana berada di kaunter bayaran.

"Pak cik itu datang ke kedai selepas Isyak dan masuk tanpa memakai baju serta selipar, hanya berseluar pendek saja.


"Mulanya saya perhatikan saja dia pilih baju sebelum dia ke kaunter untuk bayar.

"Waktu itu, saya nampak di tangannya ada RM5 dan melihat keadaannya membuat saya tak sampai hati nak ambil duit, tetapi minta pak cik berkenaan pilih seluar pula kerana niat nak belanja," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurut Mohamad Zakiran, pada awalnya lelaki itu menolak pelawaannya, namun menerima juga selepas dipujuk.

"Jadi, selepas ambil sehelai baju dan seluar, dia terus beredar.

"Saya tak sempat nak bertanya lebih lanjut mengenai latar belakangnya kerana sebab, cuma ada pesan kepa-



TANGKAP layar video rakaman CCTV menunjukkan Mohamad Zakiran membantu lelaki warga emas mencuba pakaian di kedai pakaian terpakai miliknya.

Cara tauke 'bundle' santun warga emas dipuji netizen

danya supaya jaga diri.

"Saya ada cuba intai selepas pak cik itu keluar dari kedai dan nampak dia pegang bungkus nasi sebelum hilang.

"Ralat dan serba salah juga kerana ada peluang depan mata cuma waktu itu ada pelanggan jadi saya tak boleh tinggalkan kedai," katanya yang sudah

menjalankan perniagaan pakaian terpakai sejak lebih setahun lalu.

Berhubung perkongsian videonya di TikTok, Mohamad Zakiran berkata, niatnya sekadar untuk berkongsi pengalaman di platform berkenaan.

"Sebelum ini, saya pernah jumpa ramai pelang-


gan begitu (susah), namun tak semua saya muat naik di TikTok.

"Tapi kebetulan, terdetik hati saya muat naik video pak cik itu dan alhamdulillah, kebanyakan komen diterima positif.


"Tak ada niat lain sekadar berkongsi cerita, lagipun saya ini 'berhati tisu'.

"Jadi, saya harap mereka yang menonton video itu dapat mesej cuba disampaikan dan beringat untuk terus menghargai orang tua," katanya.

"Tak ada niat lain sekadar berkongsi cerita, lagipun saya ini berhati tisu"
Mohamad Zakiran



MOHAMAD Zakiran di hadapan kedai pakaian terpakai miliknya di Pengkalan Chepa.



TAJUK : DIJEL LAPAN TAHUN ROMPAK WARGA EMAS

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 JUL 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Dijel lapan tahun rompak warga emas

Kota Tinggi: Seorang pekebun kelapa sawit dihukum penjara lapan tahun dan satu sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah melakukan rompakan ke atas warga emas awal bulan ini.

Nazry Mohamad Mokhtar, 37 membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Hayda Farizal Abu Hasan.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh yang juga bapa empat anak itu merompak seutas gelang tangan emas sehingga mendatangkan kecederaan terhadap seorang warga emas berusia 60 tahun.

Tertuduh melakukan perbuatan itu di sebuah rumah Felda Air Tawar 4, lebih kurang 12.40 tengah hari 2 Julai lalu.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 394 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh hingga 20 tahun dan denda atau sebat.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Irsyad Mardi dan Ahmad Khairuddin Khalid.


Tertuduh yang diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Hilmi Sulaiman Salahuddin memohon hukuman minimum kerana mempunyai empat anak berusia antara tiga hingga sembilan tahun, selain menjaga orang tuanya dan hanya berpendapatan RM1,500 sebulan.

Mahkamah menetapkan tertuduh dihukum penjara lapan tahun bermula dari tarikh tangkapan dan sekali sebatan.

Tertuduh yang juga bapa empat anak merompak seutas gelang tangan emas sehingga mendatangkan kecederaan terhadap seorang warga emas



NAZRY mengaku bersalah atas pertuduhan merompak hingga datangkan kecederaan di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi.



TAJUK : DIPERINTAH JALANI UJIAN PSIKIATRI DULU

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Diperintah jalani ujian psikiatri dulu

Lelaki dituduh sebabkan kematian penunggang Ducati di Suke mengaku tidak bersalah dan dibenar diikat jamin RM10,000

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediapri-
ma.com.my

Ampang

Seorang lelaki yang menunggang motosikal melawan arus hingga menyebabkan kematian penunggang motosikal Ducati Panigale di Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke) diperintah oleh Mahkamah Majistret di sini, menjalani ujian psikiatri di Hospital Bahagia, Ulu Kinta, Perak.

Majistret Amalina Basirah Md Top memerintahkan pemandu lori, Mudzyadaha Mohammad, 42, selepas tertuduh mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan terhadapnya di sini, semalam.

Mengikut pertuduhan, bapa kepada tiga anak itu didakwa menunggang motosikal dengan cara melawan arus yang membahayakan kepada orang awam sehingga menyebabkan kematian penunggang motosikal, Ahmad Fadzil Omar Azaddin, 64, di Kilometer 22.2 Lebuhraya Suke pada jam 1.10 tengah hari, 14 Jun lalu.

Pertuduhan itu dilakukan mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333/87) dan boleh dihukum mengikut peruntukan akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan tidak lebih 10 tahun serta denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM50,000 selain hilang kelayakan memegang atau mendapatkan lesen memandu tidak kurang lima tahun dari tarikh sabitan, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya

Annur Athirah Amran memohon jaminan sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin dan tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah serta melaporkan diri di balai polis berhampiran sehingga kes selesai.

"Disebabkan tertuduh mengaku tidak bersalah, dan permohonan peguam untuk tertuduh menjalani ujian psikiatri, pihak pendakwa menawarkan jaminan RM15,000 dan pasport diserahkan kepada mahkamah," kata Annur.

Peguam Yayasan Bahagian Guaman Kebangsaan (YBGK) Izleen Ismail pula memohon jaminan rendah dikenakan kerana tertuduh adalah OKU mental serta menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Fakta ini disahkan menerusi surat rujukan yang dikeluarkan oleh seorang doktor di Hospital Kajang.

"Ini membuktikan bahawa ketika kejadian, tertuduh tidak dapat berfikir dengan waras menyebabkan berlakunya pelanggaran berlawanan," katanya.

Menurut Izleen, tertuduh mengalami masalah itu kerana beliau kehilangan kerja sebagai pemandu kereta api sehingga menyebabkannya mengalami tekanan.

"Akibat kesempitan wang dan faktor ekonomi yang meruncing, tertuduh mengalami tekanan yang bertambah pada setiap hari kerana beliau hanya pemandu lori yang berpendapatan RM2,200 sebulan dan perlu menyara tiga orang anak

manakala isterinya tidak bekerja.

"Sehubungan itu, saya mohon mahkamah memerintahkan tertuduh dihantar ke Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak untuk pemeriksaan mental," kata Izleen.

Amalina Basirah kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin selain menyerahkan lesen memandu kepada mahkamah sehingga kes selesai dan menetapkan 10 Ogos untuk sebutan kes.

"Mahkamah memerintahkan tertuduh menjalani pemeriksaan mental di Hospital Bahagia," katanya.

Pada 14 Jun lalu, media melaporkan penunggang motosikal Ducati Panigale meninggal dunia akibat parah selepas terbas dan terjatuh dari jambat

Lebuhraya SUKE apabila cuba mengelak penunggang motosikal lain yang melawan arus.


Dalam kejadian itu, mangsa melanggar penghadang sebelah kiri jalan lalu terhumban dan jatuh ke bawah pada ketinggian kira-kira 30 meter.

Selain itu, motosikal yang ditunggang mangsa juga terseret ke tengah jalan dan mayat mangsa ditemui dalam keadaan tertiarap di belakang pagar Stesen Kawalan Syarikat Mengurus Air Banjar dan Terowong Sdn Bhd (Smart) Sungai Klang.

Berikutan kemalangan itu, lelaki yang menunggang motosikal secara lawan arus itu tampil membuat laporan pada 16 Jun lalu.



MUDZYADAHA (kiri) didakwa menunggang motosikal dengan cara melawan arus sehingga menyebabkan kematian Ahmad Fadzil di Kilometer 22.2 Lebuhraya SUKE. - Gambar NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI



TAJUK : KPM SIASAT DAKWAAN GURU GIGIT MURID

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Butterworth: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menjalankan siasatan berhubung tular terbaharu membabitkan seorang murid di negeri pantai timur tidak mahu ke sekolah kerana emosinya terganggu selepas didakwa digigit guru.

Timbalan Menteri, Lim Hui Ying berkata, KPM mengesan satu hantaran di media sosial berhubung insiden itu dan kini sedang

KPM siasat dakwaan guru gigit murid

mengambil tindakan selanjutnya.

Menurutnya, perkara itu tidak sepatutnya berlaku dan kementerian memandang serius terhadap dakwaan berkenaan.

"Kita akan jalankan siasatan lanjut dan jika ada kes sebegitu (murid digigit guru) tindakan sewajarnya akan diambil.

"Dalam hal ini, KPM tidak pernah membenarkan ia berlaku dan sentiasa mengambil langkah pencegahan untuk memberi kesedaran kepada murid serta pelajar. KPM tidak sesekali berkompromi dalam isu seumpama ini," katanya ketika diminta mengulas mengenai hantaran tular berhubung seorang ibu yang men-

dakwa bahawa anak lelakinya berusia enam tahun digigit seorang guru hingga menyebabkan emosi murid itu terganggu.

Hui Ying terlebih dahulu mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bagan Jaya di sini, semalam.

Dalam hantaran berkenaan, ibu murid terbabit hai-

ran selepas anaknya sering bertanya soal cuti sekolah dan tidak ceria seperti selalu.

Pada mulanya, ibu kanak-kanak itu beranggapan bahawa anaknya menjadi mangsa buli sehingga akhirnya terbongkar kisah bahawa anaknya digigit seorang guru lelaki hingga takut untuk ke sekolah.

